

21 JUN 2000

USAHASAMA-TULEN

MGUT MANTAPKAN OPERASI UNTUK GIATKAN USAHASAMA TULEN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Majlis Galakan Usahasama Tulen (MGUT) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sedang memantapkan operasinya melalui langkah-langkah pragmatik untuk menggiatkan perkongsian tulen antara para peniaga Bumiputera dan bukan Bumiputera, kata pengerusinya Datuk Abdul Rahman Maidin.

"Konsep perkongsian "Ali Baba" tidak seharusnya wujud dalam suasana ekonomi global kini kerana bukan sahaja ianya bersifat sementara tetapi juga membantut proses pemindahan kecekapan dalam bidang perniagaan," kata beliau dalam satu kenyataan akhbar hari ini.

Abdul Rahman berkata MGUT mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Jun lalu mengenai pentingnya peniaga-peniaga Bumiputera dan bukan Bumiputera mengadakan lebih banyak perkongsian tulen.

Usahasama tulen akan memberikan Bumiputera peluang memainkan peranan lebih bermakna dan menimba pengalaman serta kecekapan daripada rakan perkongsian mereka, tambah beliau.

MGUT yang ditubuhkan sejak 1996 telah diperkembangkan supaya dapat meluaskan fungsinya sebagai "one-Stop Centre" untuk perkongsian tulen, katanya.

Abdul Rahman berkata badan itu juga akan memperkukuhkan pengurusan operasinya di mana ia akan dikendalikan oleh tenaga profesional sepenuh masa di samping peruntukan kewangan yang lebih mantap.

Beliau berkata: "Dengan pengiktirafan begini, syarikat usahasama tulen yang dibantu oleh MGUT turut mendapat sokongan yang diperlukan apabila mereka menembusi pasaran atau bersaing untuk memperoleh kontrak."

MGUT juga bercita-cita untuk menjayakan Wawasan 2020 dalam mewujudkan "Negara Malaysia yang Bersatupadu"

"Peniaga Bumiputera dan bukan Bumiputera diharap dapat bekerjasama sepenuhnya pada masa itu melalui perkongsian tulen di mana mereka tidak lagi akan dikenali sebagai syarikat Bumiputera atau bukan Bumiputera, sebaliknya sebagai syarikat "MALAYSIA," katanya.

Semenjak penubuhannya, MGUT telah berjaya mendaftarkan 54 buah syarikat usahasama tulen. Bagaimanapun, kegawatan ekonomi yang melanda negara dari akhir 1997 hingga pertengahan tahun 1999 telah menjejaskan sedikit jumlah syarikat perkongsian tulen itu, kata Abdul Rahaman.

-- BERNAMA

MK MA